

09 AUG 1999

Mahathir-BN

DR MAHATHIR NAFI TANGGAPAN PEMBANGKANG CUBA TAKUTKAN RAKYAT

MELAKA, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan tanggapan pembangkang bahawa beliau cuba menakutkan rakyat dengan berkata kerajaan yang lemah akan hanya membawa huru-hara dan rusuhan kaum.

Perdana Menteri mengulangi bahawa Barisan Nasional (BN) memerlukan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang sambil berkata beliau cuma menyebut "benda yang nyata".

"Jika saya tidak beritahu kepada rakyat, maka saya tidak menjalankan tanggungjawab saya," kata Dr Mahathir pada majlis jamuan bersama rakyat di sini malam ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno berkata, kerajaan BN tidak ingin menyalahgunakan kuasa dan tidak juga berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan seperti didakwa parti pembangkang.

"Untuk ini, kita perlu kerajaan yang kukuh yang ada majoriti besar kerana banyak keputusan dan tindakan perlu diambil yang mungkin kurang popular," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika rakyat memilih kerajaan yang lemah, maka keamanan dan ketenteraman negara tidak terjamin.

Dr Mahathir berkata pada setiap pilihan raya umum, rakyat telah memberi kemenangan majoriti lebih dua pertiga kepada BN kecuali hanya sekali pada tahun 1969.

"Kita (BN) tidak mendapat majoriti dua pertiga (pada 1969) dan rusuhan berlaku.

"Ini bukti yang jelas bahawa kalau kita pilih kerajaan yang lemah, maka keamanan negara tidak terjamin," kata beliau pada majlis yang dihadiri lebih 4,000 orang itu.

Dr Mahathir berkata: "Sebab itu berkali-kali saya mengatakan bahawa adalah penting untuk rakyat memilih kerajaan yang kuat."

Beliau berkata kemenangan majoriti lebih dua pertiga kepada BN akan memastikan tidak berlaku sebarang ugutan oleh mana-mana pihak serta dapat menghindar daripada berlakunya huru-hara seperti pada 1969.

Dr Mahathir berkata kerajaan yang kuat tidak boleh diancam dan juga tidak perlu bergantung kepada populariti, sebaliknya mengutamakan tanggungjawab dan pemikiran yang waras terhadap masa depan negara.

Beliau berkata kerajaan yang takut akan kehilangan sokongan akan menggunakan cara-cara seperti sentimen perkauman dan agama untuk meraih sokongan.

Menurut Perdana Menteri, semua kerajaan perlu membuat keputusan atau perkara yang tidak akan disukai ramai seperti mengenakan cukai dan sebagainya.

Katanya, kerajaan yang kuat dan kukuh berani mengambil sesuatu tindakan walaupun ada sesetengah orang yang tidak menyukainya (tindakan itu).

"Rakyat negara ini perlu sedar akan hakikat ini," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyeru masyarakat Melayu supaya jangan cuba menghapuskan budaya mereka melalui perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

"Apabila orang Melayu hilang budaya, maka hilanglah Melayu," kata beliau sambil menyebut ungkapan "Tak kan Melayu hilang di dunia".

Dr Mahathir berkata pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi dan meminta rakyat supaya mengundi BN "kerana BN mewakili semua kaum di negara ini."

"Pilihannya satu sahaja iaitu Barisan Nasional," tambah beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah

Mohamed Ali.  
-- BERNAMA  
ES FAZ